



AIR laut melimpahi tebing berdekatan Kelab Pelayaran Diraja Selangor di Pelabuhan Klang, semalam.

um 10/10/2006

Banjir: Penumpang feri, komuter terkandas

KLANG 9 Okt. - Berpuluh-puluh penumpang feri dan komuter yang mahu ke tempat kerja terkandas kira-kira sejam pagi ini apabila kawasan rendah di sekitar jeti Pelabuhan Klang di sini dinaiki air laut setinggi 0.3 meter kesan fenomena air pasang besar yang masuk hari keempat, hari ini.

Keadaan itu berlaku apabila kawasan sekitar jeti dan landasan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dinaiki air kira-kira pukul 6.30 pagi, menyebabkan perkhidmatan kedua-dua pengangkutan itu terpaksa dihentikan sementara.

Sebahagian penumpang feri menuju ke Pulau Ketam, Dumai dan Balik Papan, Indonesia terpaksa berdiri di tepi tebing pejalan kaki yang terletak kira-kira 50 meter dari kawasan jeti kerana tidak mahu mengharung air.

Beberapa petugas di pejabat Jabatan Laut Malaysia dan Kelab Pelayaran Diraja Selangor juga lewat masuk kerja apabila jalan masuk ke bangunan itu

dinaiki air separas betis.

Bagaimanapun, keadaan kembali seperti biasa apabila banjir mula surut kira-kira pukul 7.30 pagi.

Pembantu Teknikal Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, Jamaluddin Sharif berkata, air laut melimpah hari ini akibat tiupan angin barat daya yang kuat.

"Air pasang pagi ini tidak setinggi semalam kerana hanya mencatatkan 5.9 meter daripada paras laut.

"Bagaimanapun tiupan angin kencang menyebabkan paras air mencecah 6 meter dan mengakibatkan limpahan air ke darat," katanya ketika ditemui di Pelabuhan Klang di sini, hari ini.

Menurut Jamaluddin, kejadian hari ini tidak melibatkan banyak kawasan seperti semalam dan tidak menjejaskan ban-ban yang telah diperbaiki selepas pecah dilanda air semalam.

Katanya, di beberapa kawasan, air laut hanya memenuhi longkang dan tidak melimpah.